



Faculty of Cognitive Science and Human Development

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
KEGEMARAN PELATIH TERHADAP MEDIA
DALAM LATIHAN 7 MUKMIN (TC 3033) DI
TELEKOM MALAYSIA BERHAD

MARLINNY BINTI MOHAMAD

HF
5549.5
T7
M298
2003

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2003

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: FAKTOR - FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEGERAMAN
PELATIH TERHADAP MEDIUM DALAM LATIHAN 7 MUJMIN (TC 3033)
DI TELEKOM MALAYSIA BERHAD.

SESI PENGAJIAN: 2000/2001

Saya Martinny binti Mohamad mengaku membenarkan tesis* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

- SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

645, Lrg. 130, Tmn. Malibuk
31n. Mutong,
93050 Kuching, Sarawak

Tarikh: 21 / 3 / 2003

Tarikh: 21 / 3 / 03

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
94300 Kota Samarahan

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEGEMARAN PELATIH TERHADAP
MEDIA DALAM LATIHAN 7 MUKMIN (TC 3033) DI TELEKOM MALAYSIA BERHAD

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000129690

Oleh

Marlinny binti Mohamad

Projek ini merupakan salah satu keperluan kursus untuk
Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia) dari
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Sumber Manusia,
Universiti Malaysia Sarawak


Projek bertajuk ' Faktor-faktor yang mempengaruhi kegemaran pelatih terhadap media dalam latihan 7 Mukmin (TC 3033) di Telekom Malaysia Berhad ' telah disediakan oleh Marlinsky Binti Mohamad dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Profesor Ibrahim bin Mamat)

Tarikh:



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan izin-Nya, saya diberikan kekuatan untuk menyiapkan projek tahun akhir ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek, Prof Ibrahim Mamat atas segala bimbingan, idea dan nasihat yang diberikan untuk menyiapkan projek tahun akhir ini. Segala sumbangan beliau amat bererti dan amat membantu agar saya dapat menyiapkan projek tahun akhir ini.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan untuk mentor saya, Cik Zaiton Hassan yang juga telah banyak membantu dalam meleraikan kekusutan idea dan sentiasa memahami permasalahan yang dihadapi oleh saya.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada kakitangan Kolej Latihan Telekom Kuala Lumpur terutama kepada kakitangan *School of Human Resource Management* iaitu En Mohd Azizun Abd Karim, Cik Noorliza Nuruddin, Tn Hj Hussin Mat Arif, Tn Hj Mohd Kahar Hj Arsat, Tn Hj Barmawi Abas, En Mohd Ali Abd Ghani, Pn Normah Ahmad dan En N. Thiruvatasagam atas kesudian memberi peluang dan kerjasama agar projek ini berjalan dengan jayanya. Tidak lupa juga staf Telekom Malaysia Berhad yang telah menghadiri kursus 7 Mukmin (TC 3033) pada 28 hingga 31 Oktober 2002 yang telah sudi memberikan data yang amat diperlukan.

Bagi keluarga yang sentiasa memberi dorongan, galakan dan mengiringi perjalanan hidup ini dengan doa juga diucapkan terima kasih yang tidak terhingga terutama kepada bonda (Pn Asma Soaili), ayahanda (En Mohamad Idi) dan udak (Patimah Soaili).

Kepada rakan-rakan seperjuangan, semoga kejayaan mengiringi langkah kita semua. Akhirnya kita berjaya mengharungi segala ujian sebelum bergelar graduan.

Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah UNIMAS terutama FSKPM, staf-staf FSKPM dan CAIS yang banyak memberi bantuan dan galakan.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	i
Jadual Kandungan	ii
Senarai Jadual	iv
Senarai Gambar Rajah	vi
Abstrak	vii
<i>Abstract</i>	viii
1.0 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Kenyataan masalah	2
1.4 Objektif kajian	3
1.5 Kerangka konseptual	4
1.6 Signifikan kajian	4
1.7 Definisi istilah	5
1.7.1 Media	5
1.7.2 Pelatih	5
1.7.3 Latihan	5
1.7.4 Ciri demografi	5
1.7.5 Keupayaan	6
1.7.6 Gaya pembelajaran	6
1.7.8 Personaliti	6
1.8 Limitasi kajian	6
1.9 Rumusan	7
2.0 Sorotan Kajian Lepas	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Media	8
2.2.1 Media dalam latihan	9
2.3 Faktor-faktor pemilihan media	12
2.3.1 Keupayaan pelatih	12
2.3.2 Gaya pembelajaran pelatih	13
2.3.3 Personaliti pelatih	14
2.4 Rumusan	17
3.0 Metodologi Kajian	
3.1 Pendahuluan	18
3.2 Rekabentuk kajian	18
3.3 Populasi dan sampel	18
3.4 Instrumen	19
3.4.1 Bahagian A: Ciri demografi	20
3.4.2 Bahagian B: Faktor-faktor pemilihan media	20
3.4.3 Bahagian C: Jenis-jenis media yang digunakan	22
3.5 Ujian rintis	22
3.6 Pengumpulan data	23
3.6.1 Data primer	23
3.6.2 Data sekunder	23
3.7 Analisa data	23

3.7.1	Statistik deskriptif	23
3.8	Rumusan	24
4.0	Hasil Kajian dan Perbincangan	
4.1	Pengenalan	25
4.2	Maklumbalas borang soal-selidik kajian	25
4.3	Profil demografi dan ciri responden	25
4.3.1	Jantina	25
4.3.2	Umur	26
4.3.3	Kelayakan akademik	27
4.3.4	Gaya pembelajaran	28
4.3.5	Keupayaan pelatih	29
4.3.6	Personaliti pelatih	30
4.4	Dapatkan objektif	31
4.4.1	Objektif Pertama: Mengenalpasti taburan pemilihan media	31
4.4.2	Objektif Kedua: Mengenalpasti media kegemaran pelatih dari segi demografi terpilih iaitu jantina, umur dan kelayakan akademik	31
4.4.2.1	Perbezaan antara jantina dengan pemilihan media	31
4.4.2.2	Perbezaan antara umur dengan pemilihan media	32
4.4.2.3	Perbezaan antara kelayakan akademik dengan pemilihan media	33
4.4.3	Objektif Ketiga: Perbezaan antara gaya pembelajaran pelatih dengan pemilihan media	33
4.4.4	Objektif Keempat: Perbezaan antara keupayaan pelatih dengan pemilihan media	34
4.4.5	Objektif Kelima: Perbezaan antara personaliti pelatih dengan pemilihan media	35
4.5	Rumusan	36
5.0	Ringkasan, Kesimpulan dan Cadangan	
5.1	Pengenalan	37
5.2	Ringkasan	37
5.3	Kesimpulan	38
5.4	Cadangan	38
5.4.1	Cadangan kepada organisasi	38
5.4.2	Cadangan kepada pengamal sumber manusia	39
5.4.3	Cadangan kepada pengkaji akan datang	39
6.0	Rujukan	40
7.0	Lampiran	
Lampiran A		44
Lampiran B		46

SENARAI JADUAL

Jadual 1 Klasifikasi media	8
Jadual 2 Hubungan sistem personaliti dengan Model Lima Faktor	16
Jadual 3 Pengiraan skor item inventori gaya pembelajaran Kolb	20
Jadual 4 Tahap kebolehpercayaan (nilai alpha Cronbach) soalan borang soal selidik	22
Jadual 5 Taburan responden mengikut jantina	25
Jadual 6 Taburan responden mengikut julat umur	26
Jadual 7 Taburan responden mengikut kelayakan akademik	27
Jadual 8 Taburan responden mengikut jenis gaya pembelajaran	28
Jadual 9 Taburan responden mengikut jenis keupayaan	29
Jadual 10 Taburan responden mengikut jenis personaliti	30
Jadual 11 Taburan responden mengikut jenis-jenis media	31
Jadual 12 Taburan perkaitan antara jantina dengan pemilihan media	32
Jadual 13 Taburan perkaitan antara peringkat umur dengan pemilihan media	33
Jadual 14 Taburan perkaitan antara tahap kelayakan akademik dengan pemilihan media	33
Jadual 15 Taburan perkaitan antara gaya pembelajaran pelatih dengan pemilihan media	34
Jadual 16 Taburan perkaitan antara jenis keupayaan pelatih dengan pemilihan media	35

Jadual 17

Taburan perkaitan antara jenis personaliti pelatih dengan pemilihan media

SENARAI RAJAH

Rajah 1 Kerangka konseptual	4
Rajah 2 Reka bentuk sistem arahan	10
Rajah 3 Model latihan dan proses HRD	11
Rajah 4 Keupayaan pelatih	12
Rajah 5 Model pembelajaran Kolb	13
Rajah 6 Formula mencari saiz sampel minimum	19
Rajah 7 Skor borang soal selidik	19
Rajah 8 Grid jenis gaya pembelajaran	21
Rajah 9 Peratus taburan responden mengikut jantina	26
Rajah 10 Peratus taburan responden mengikut julat umur	27
Rajah 11 Peratus taburan responden mengikut kelayakan akademik	28
Rajah 12 Peratus taburan responden mengikut gaya pembelajaran	29
Rajah 13 Peratus taburan responden mengikut jenis keupayaan	29
Rajah 14 Peratus taburan responden mengikut jenis personaliti	30
Rajah 15 Peratus taburan responden mengikut jenis-jenis media	31

ABSTRAK

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEGEMARAN PELATIH TERHADAP MEDIA DALAM LATIHAN 7 MUKMIN (TC 3033) DI TELEKOM MALAYSIA BERHAD

Marlinny binti Mohamad

Projek tahun akhir ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kegemaran pelatih terhadap media dalam latihan 7 Mukmin di Telekom Malaysia Berhad. Kajian ini mengkaji dua pembolehubah utama iaitu pembolehubah bersandar yang terdiri daripada jenis-jenis media dan pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor demografi terpilih (jantina, umur dan kelayakan akademik), gaya pembelajaran, keupayaan dan personaliti. Responden kajian adalah terdiri daripada pelatih yang menghadiri latihan 7 Mukmin (TC 3033) pada 28 hingga 31 Oktober 2002 bertempat di Kolej Latihan Telekom, Kuala Lumpur yang dikendalikan oleh *School of Human Resource Management*. Responden dipilih melalui kaedah persampelan secara rawak dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Sebanyak 59 set borang telah diedarkan tetapi hanya 35 borang yang dikembalikan. Data ini telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan crosstab. Crosstab digunakan untuk melihat perkaitan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar. Dapatkan menunjukkan bahawa setiap ciri pembolehubah tidak bersandar mempunyai kegemaran yang berbeza terhadap jenis-jenis media. Pelatih perempuan didapati menggemari media bahan bercetak manakala lelaki menggemari alat bantu manipulatif. Selain itu, bagi tahap umur pula didapati golongan yang berumur di antara 22 hingga 29 tahun menggemari media bahan bercetak Golongan yang berumur 30 hingga 37 tahun pula menggemari media audiovisual. Manakala golongan yang berumur antara 38 hingga 45 tahun lebih menggemari media alat bantu manipulatif dan bagi yang berumur lebih 46 tahun didapati bahawa taburan kegemaran terhadap media adalah setara. Bagi tahap kelayakan akademik pula, pelatih yang berkelulusan STPM dan ke atas menggemari media bahan bercetak berbanding SPM yang menggemari media audiovisual. Bagi gaya pembelajaran pelatih pula gaya *accomodator* dan *converger* menyukai media audiovisual manakala *diverger* dan *assimilator* menyukai media bahan bercetak. Bagi pelatih yang mempunyai keupayaan intelek didapati bahawa golongan ini menggemari media bahan bercetak dan alat bantu manipulatif berbanding keupayaan motor yang menggemari media alat bantu manipulatif. Pelatih yang mempunyai personaliti jenis ekstrovert dan persetujuan pula dilihat menggemari media alat bantu manipulatif manakala personaliti ketabilan emosi dan ketelitian menggemari media bahan bercetak. Bagi yang berpersonaliti keterbukaan terhadap pengalaman pula dilihat menggemari media audiovisual. Kajian ini penting untuk menunjukkan bahawa setiap pelatih mempunyai ciri unik yang berbeza yang terdiri daripada gaya pembelajaran, keupayaan dan personaliti yang memberi kesan gaya pembelajaran berbeza terhadap media yang digemari. Seharusnya pihak organisasi, jurulatih dan pengamal sumber manusia tidak meminggirkan ciri unik ini dalam perancangan proses latihan terhadap media yang akan digunakan.

ABSTRACT

FACTORS EFFECTING TRAINEES' MEDIA PREFERENCE IN 7 MUKMIN (TC 3033) TRAINING AT TELEKOM MALAYSIA BERHAD

Marlinny binti Mohamad

This final year project an aim is to identify factors that affecting trainees' preference toward media. This project studies learning styles, abilities and personalities aspect. There are two main variables to be studied specifically dependant variables namely media classification (printed material, audiovisual and manipulative aid) and independent variables namely demographics characteristics (sex, age and academic qualification), learning style, ability and personality. The respondents are chosen from simple random sampling and using questionnaire form for instrument. The respondents were trainees attended 7 Mukmin training, which conducted by School of Human Resource Management from 28th to 31st October 2002 at Telekom Training College, Kuala Lumpur. 59 set forms had been distributed but only 35 forms returned. Data had been analysed using descriptive statistics namely frequencies, percentages and crosstab. Crosstab was used for looking relationship between independent and dependent variables. The study shows each characteristic of independent variables have their own preference toward media. Women trainees prefer printed material while the men prefer manipulative aid. Besides that, the trainees who ages between 22 to 29 years old prefer manipulative aid, those ages 30 to 37 years old prefer audiovisual, 38 to 45 years old prefer manipulative aid and trainees ages more than 46 years old prefer all the medias. At the same time us in the learning styles, the accommodators and convergers prefer audiovisual media while divergers and assimilators prefer printed material media. In the abilities, the intellectual abilities prefer printed material media and motor abilities prefer manipulative aids media. Whereas in the personalities, the extroverts and agreeableness prefer manipulative aids while emotional stabilities and conscientiousness prefer audiovisual media. This study is important to show that each of the trainees has their own unique characteristics in learning styles, ability and personality. It will affect the trainees' preference toward media. The organisation, trainers and human resource practitioner should not leave out these unique characteristics when planning media usage in the training process.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan sumber manusia (PSM) amat penting untuk mengekalkan dan meningkatkan prestasi kerja di dalam organisasi. Ini disebabkan kejayaan organisasi adalah bergantung kepada keupayaan pekerja di dalam organisasi tersebut (DeSimone & Harris, 1998). Tambahan pula, di dalam akhbar *Berita Harian* satu laporan menyatakan kerajaan Malaysia di dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) (2001-2005), salah satu strateginya adalah untuk memperkuatkan sumber manusia ("Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005", 2002, ms 3). Ini adalah untuk menyokong pembangunan ekonomi berdasarkan pengetahuan serta mempertingkatkan produktif dan daya saing dilengkapi dengan nilai-nilai positif (Mahathir Mohamad, 2001).

Craig (2002) dipetik dari Hizral (2002) juga menyatakan dengan kepimpinan Malaysia, ia menunjukkan komitmen bagi membangunkan industri berdasarkan maklumat yang berproduktiviti tinggi untuk masa depan. Malaysia juga menawarkan pelan induk mengenai bagaimana negara membangun boleh menggunakan teknologi untuk bergerak ke barisan hadapan industri moden. Di dalam RMK8 juga Kwang Chye dalam Noraini, Helmi dan Akmar (2002) menyatakan kerajaan telah meluluskan peruntukan RM1 billion untuk pelaksanaan projek-projek Dana Tanggungjawab Perkhidmatan Universal (USO) yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan luar bandar.

Selain itu, dapat dilihat bahawa industri komunikasi yang menyokong pembangunan k-economii berkembang dengan baik. Ini dapat dilihat melalui perolehan kasar bagi industri komunikasi negara yang meningkat 43% kepada RM16.7 billion tahun lalu berbanding RM11.7 billion pada tahun 1999. Moggie (2002) menyatakan terdapat tanda positif bahawa penyepaduan teknologi dan langkah peralihan menjadi pemangkin pertumbuhan penggunaan dan prestasi. Telekom Malaysia Berhad adalah salah satu syarikat telekomunikasi di Malaysia yang amat berkembang dengan pesatnya yang memerlukan pembangunan sumber manusia melalui latihan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Dengan itu dapat dilihat bahawa sumber manusia amat penting untuk menjayakan RMK8. Abdul Latiff Ahmad (2002) menyatakan bahawa Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diberi tanggungjawab untuk memainkan peranan dalam menghadapi era globalisasi tanpa sempadan ini yang berasaskan k-economii. Tambah beliau lagi, dengan perkembangan pesat teknologi maklumat digabung dengan daya kreativiti keintelektualan manusia boleh menyebabkan pemerolehan ilmu pengetahuan semakin mudah. PSM hendaklah menjadi lebih dinamik dan lebih fleksibel, pantas dan cekap menggunakan teknologi terkini bagi sistem perolehan maklumat. Beliau juga menyatakan bahawa kebolehan untuk meramal dan membuat makluman keputusan (*informed decision*) dari hanya menghasilkan status laporan (*status report*) akan menjadi sumber daya saing yang penting.

Lantaran itu, Institut Keusahawanan Negara diwujudkan untuk melaksanakan perancangan strategik dan tabung PSM dilancarkan untuk meningkatkan lagi prestasi sumber manusia melalui latihan. Dengan itu, dapat dilihat bahawa salah satu faktor yang ditekankan untuk menjayakan fungsi PSM adalah melalui latihan yang mana diperlukan untuk memenuhi pembangunan kerjaya pekerja terutama sekiranya pelatih itu kekurangan kemahiran, pengetahuan atau sikap tertentu (Davies, 1981).

Tambahan pula, mengikut jawatankuasa perancangan korporat di *The Hypothetical Manufacturing Company* di dalam Pickett (1998), menyatakan bahawa latihan adalah salah satu bahagian yang amat penting di dalam operasi organisasi untuk pembangunan untuk eksekutif, pengurus dan pakar di dalam organisasi bagi masa akan datang.

Kejayaan sesuatu program latihan pula bergantung kepada reka bentuk yang komprehensif (Ibrahim Mamat, 1996) yang mana salah satu daripadanya ialah dengan menggunakan media dan teknologi yang sesuai (Alicer Akam, 1999). Namun ciri ini sering dilupakan oleh pegawai sumber manusia dan sering dianggap ringan. Akan tetapi menurut Alicer Akam (1999), faktor penggunaan media untuk menyampaikan latihan adalah faktor dominan dalam mempengaruhi persepsi pelatih terhadap keberkesanan kaedah pengajaran. Shaharom Nordin (1996) dalam Alicer Akam (1999) juga menyatakan bahawa pembinaan kaedah pengajaran yang sesuai, penggunaan teknologi dan media dalam proses pengajaran, pembelajaran serta penghasilan bahan-bahan yang teratur merupakan prinsip asas suatu pengajaran yang berkesan.

Dorrell (1993) menyatakan untuk penggunaan pelbagai kaedah pengajaran pelatih yang telah dipilih, seharusnya ia adalah ide yang baik untuk menawarkan kepelbagaiannya media bagi kaedah tersebut. Ini disebabkan tidak semua pelatih dapat menerima maklumat dari bentuk yang ditawarkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Telekom Malaysia Berhad (TMB) adalah salah sebuah syarikat swasta yang paling komited dalam memastikan tenaga sumber manusia yang ada diberi latihan dan peransang untuk terus maju (Abdul Latiff Ahmad, 2002). Ini dibuktikan dengan wujudnya 5 buah kolej latihan di seluruh Malaysia. Salah satunya adalah Kolej Latihan Telekom (KLT) yang terletak di Jalan Gurney Kiri, Kuala Lumpur. KLT mempunyai visi dan misi selari dengan visi Telekom Malaysia Berhad iaitu:

Visi KLT "towards becoming a world class learning organization enhancing human performance that strategically support TM's vision".

Misi KLT "to develop human potential through appropriate learning interventions in meeting corporate objectives, thus exceeding customers' expectations".

Fungsi KLT adalah menyediakan pelbagai latihan kepada pekerja-pekerja dan pelatih-pelatih dari dalam dan luar negeri untuk menyediakan dan mengembangkan pengetahuan, kemahiran serta tingkah laku yang baik.

School of Human Resource Management (SHRM) adalah salah sebuah 5 schools yang terdapat di KLT untuk menyokong terus kepada fungsi KLT itu sendiri. Antara latihan yang dijalankan di SHRM adalah 7 Habits of Highly Effective People (Executive), Tujuh Kejayaan Mukmin, Occupational Safety and Health dan Organizational Behaviour.

1.3 Kenyataan Masalah

Di dalam latihan, tanggungjawab untuk pemilihan media adalah terletak di bawah jurulatih (Powers, 1992). Lazimnya, jurulatih akan memilih media berdasarkan kos dan masa berbanding kekuatan media dari segi interaktif, faktor pelatih dan kesesuaian subjek (Toigo,

1991). Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat perbezaan kegemaran terhadap media bagi pelatih yang menghadiri latihan. Ini disebabkan ciri pelatih adalah salah satu faktor yang mempengaruhi pemilihan media (Campbell, 2000). Tambahan pula, media adalah salah satu elemen yang mempengaruhi keberkesanan latihan (Alicer Akam, 1999).

Kajian ini diharapkan dapat membantu pelatih memahami kecenderungan mereka sendiri dan seterusnya dapat mempengaruhi jurulatih untuk memilih media yang sesuai bagi golongan pelatih agar keberkesanan latihan dapat ditingkatkan. Ini disebabkan Pickett (1998) menyatakan bahawa antara masalah utama yang timbul semasa latihan dijalankan ialah penggunaan pelbagai media yang berlainan yang boleh menyebabkan kekeliruan konsep asas bagi latihan tersebut. Ini bolch menunjukkan kepada hilang hala tuju, konflik interpersonal dan menyebabkan pembaziran ke atas masa dan wang. Campagna dan Campbell (1988) dalam Campbell (2000) menyatakan bahawa keberkesanan penggunaan media hanya dinilai pada pemindahan latihan yang selari dengan objektif pembelajaran.

Kajian ini akan dilaksanakan di SHRM dan latihan 7 Mukmin (TC 3033) dipilih sebagai fokus kajian.

Diharapkan kajian ini dapat menjawab kepada beberapa persoalan iaitu:

- i) Apakah jenis-jenis media yang digunakan di dalam latihan?
- ii) Apakah media yang digemari yang menjadi pilihan golongan pelatih?
- iii) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan media?


1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegemaran terhadap media bagi golongan pelatih.

Objektif khusus kajian ini pula ialah:

- i) Mengenalpasti taburan pemilihan media.
- ii) Mengenalpasti media kegemaran pelatih dari segi demografi terpilih iaitu jantina, umur dan kelayakan akademik.
- iii) Perbezaan antara gaya pembelajaran pelatih dengan pemilihan media.
- iv) Perbezaan antara keupayaan pelatih dengan pemilihan media.
- v) Perbezaan antara personaliti pelatih dengan pemilihan media.

1.5 Kerangka Konseptual



Rajah 1: Kerangka konseptual

Kerangka konseptual ini merujuk kepada faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi seseorang pelatih itu memilih media yang sesuai bagi diri mereka.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kegemaran pelatih terhadap media bagi program latihan yang dijalankan di SHRM khusus kepada latihan 7 Mukmin (TC 3033) yang dijalankan pada 28 Oktober sehingga 31 Oktober 2002. Kajian ini memberi kesan signifikan atas beberapa sebab. Antaranya ialah keputusan kajian yang lebih berfokuskan kepada pelatih yang menghadiri latihan yang sama akan menjadi lebih tepat dan boleh digunakan berbanding dengan keputusan yang diperolehi daripada kajian yang menggunakan subjek pelbagai.

Selain itu, pemilihan media adalah antara faktor penyumbang kepada keberkesanan latihan namun tahap keberkesanannya hanya diuji pada tahap pemindahan latihan. Dengan kajian ini, ia dapat membantu jurulatih memilih media yang efektif dan efisien.

Tambahan pula, pelatih adalah subjek terpenting yang menyumbang kepada keberkesanan latihan. Dengan meminggirkan fungsi dan ciri pelatih itu sendiri dalam pemilihan media boleh menyebabkan kegagalan kepada program latihan.

Dengan itu juga, diharapkan hasil kajian ini dapat membantu pelatih mengenalpasti media yang digemari berdasarkan faktor terpilih dan mengambil iktibar atas kekurangan atau kelebihan tersebut. Ia juga sebagai satu cara pelatih menuarakan kehendak mereka di dalam program latihan. Jurulatih juga diharap dapat menyediakan satu set program latihan yang bersesuaian dengan ciri unik pelatih untuk meningkatkan tahap keberkesanan program latihan.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Media

Definisi Konseptual:

Media adalah berasal dari perkataan Latin yang bermaksud di antara. Ia adalah penghubung atau perantara antara sumber dan penerima (Heinich, Molenda & Russel, 1993).

Definisi Operasional:

Media merujuk kepada alat bantu mengajar yang digunakan di dalam latihan. Terdapat pelbagai jenis media, namun dalam kajian ini media akan dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu bahan bercetak, alat bantu audiovisual dan alat bantu manipulatif.

1.7.2 Pelatih

Definisi Konseptual:

Pelatih adalah seseorang yang diajar bagaimana melakukan sesuatu pekerjaan (Hornby, 2000).

Definisi Operasional:

Pelatih adalah pekerja yang menghadiri latihan yang dianjurkan oleh SHRM yang merupakan responden yang akan dipilih untuk mendapatkan data primer. Mereka merupakan pelatih yang telah menghadiri latihan 7 Mukmin (TC 3033) pada 28 Oktober sehingga 31 Oktober 2002.

1.7.3 Latihan

Definisi Konseptual:

Satu proses penyediaan pelatih bagaimana melakukan sesuatu melalui pengalaman pembelajaran di tempat latihan atau kerja, yang diperlukan agar pelatih menjadi pekerja berkemahiran. Ia mengandungi pengetahuan, kemahiran dan sikap, proses pemahaman, tabiat kerja dan penghargaan untuk memasuki serta berkembang di dalam alam pekerjaan (Campbell, 2000).

Definisi Operasional:

Latihan merujuk kepada latihan 7 Mukmin (TC 3033) pada 28 Oktober sehingga 31 Oktober 2002 yang ditawarkan di SHRM yang dihadiri oleh pekerja Telekom Malaysia Berhad sebagai sebuah organisasi yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.

1.7.4 Ciri Demografi

Definisi Konseptual:

Perubahan dari segi bilangan di dalam komuniti dalam satu masa tertentu (Hornby, 2000).

Definisi Operasional:

Latar belakang responden latihan 7 Mukmin (TC 3033) pada 28 Oktober sehingga 31 Oktober 2002 yang terpilih terdiri daripada jantina, umur dan kelayakan akademik.

1.7.5 Keupayaan

Definisi Konseptual:

Fleishman (1972) dalam DeSimone dan Harris (1994) menyatakan bahawa keupayaan adalah kapasiti am berhubung prestasi melakukan sesuatu tugas.

Definisi Operasional:

Keupayaan terbahagi kepada dua iaitu kerja intelektual dan kerja motor (Davies, 1981). Dalam kajian ini, ia akan melihat pelatih tersebut cenderung kepada keupayaan dari segi kerja intelektual atau kerja motor.

1.7.6 Gaya Pembelajaran

Definisi Konseptual:

National Association of Secondary School Principals atau ringkasnya NASSP (1979) di dalam Poon (2000) menyatakan bahawa ia mempunyai ciri seperti kognitif, afektif dan tingkah laku psikologi yang mempengaruhi bagaimana seorang menerima, berinteraksi dengan atau memberi maklum balas dengan persekitaran pembelajaran.

Definisi Operasional:

Pelatih akan mempunyai ciri yang berbeza antara satu sama lain dan ini akan mempengaruhi tahap penerimaan latihan berdasarkan jenis-jenis media yang digunakan. Maka, kajian ini akan menggunakan gaya pembelajaran Kolb (1984) dipetik dari DeSimone dan Harris (1994) untuk membezakan antara seorang pelatih kepada pelatih yang lain. Ia akan dibezakan sama ada pelatih itu adalah *converger*, *diverger*, *accomodator* atau *assimilator*.

1.7.7 Personaliti

Definisi Konseptual:

Satu set karektor seseorang yang stabil yang mempengaruhi bentuk tingkah laku yang konsisten (DeSimone & Harris, 1994).

Definisi Operasional:

Personaliti merupakan ciri unik yang terdapat pada pelatih yang tidak dapat dipinggirkan untuk melihat pemilihan kepada jenis-jenis media. Personaliti akan dibahagi kepada lima bahagian yang dikenali sebagai Model Lima Faktor (Guthrie, Coate & Schwoerer, 1998) yang terbahagi kepada ekstrovert, persetujuan, kestabilan emosi, ketelitian dan keterbukaan kepada pengalaman.

1.8 Limitasi Kajian

Data primer yang diperolehi untuk kajian ini hanya melalui borang soal selidik. Maka, ia banyak bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soalan. Sekiranya, responden tidak menjawab dengan jujur, maka ia mempengaruhi dapatan kajian.

Selain itu, faktor-faktor pemilihan media yang dipilih tidak menyeluruh kerana terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi seperti pengalaman, kemahiran (Campbell, 2000) dan kos (Harris, 1995).

Jumlah responden juga terhad kerana untuk menjimatkan masa dan kos yang hanya terbatas kepada pelatih yang menghadiri latihan di SHRM dalam latihan tertentu yang dipilih dan bukannya secara menyeluruh. Maka, kajian ini tidak meliputi KLT secara keseluruhannya.

Kajian ini hanya tertumpu di SHRM dan data yang diperolehi tidak sesuai untuk kegunaan organisasi lain. Ini disebabkan ciri persekitaran, misi dan visi sebagai contoh bagi setiap organisasi berbeza.

1.9 Rumusan

Latihan amat penting untuk menjayakan fungsi pembangunan sumber manusia itu sendiri yang mana salah satu ciri keberkesanan latihan adalah penggunaan media dalam latihan. Dengan itu, kajian ini akan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kegemaran pelatih terhadap media dari segi demografi terpilih (jantina, umur dan kelayakan akademik), gaya pembelajaran, keupayaan dan personaliti pelatih. Kajian ini dijalankan di *School of Human Resource Management*, Kolej Latihan Telekom Kuala Lumpur yang menjalankan latihan 7 Mukmin (TC 3033) pada 28 hingga 31 Oktober 2002. Diharapkan, kajian ini dapat membantu meningkatkan keberkesanan latihan dengan mengutamakan ciri unik pelatih tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa limitasi kajian yang berlaku disebabkan kekurangan masa, tenaga dan wang.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menceritakan mengenai hasil penulisan kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Ia akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama menceritakan tentang media di dalam latihan dan bahagian dua pula ialah tentang tiga faktor yang mempengaruhi pemilihan media.

2.2 Media

Media amat penting di dalam latihan kerana ia dapat membantu pembelajaran dengan meletak maklumat sesuai untuk mendapatkan kemahiran dan pengetahuan (Campbell, 2000). Setiap media ada faedah tersendiri dalam pelajaran dengan membantu meningkatkan perhatian, membuat gambaran tentang topik dan juga memberi tahap interaksi tertentu. Terdapat tiga jenis media yang telah diklasifikasikan oleh Campbell (2000) berserta contoh seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Klasifikasi media

MEDIA	CONTOH
1) Bahan bercetak	Buku dan buku latihan Alat bantu prestasi kerja Arahan Manual
2) Media audiovisual	Perakam pita audio Perisian mikrokomputer Pita video / cakera padat
3) Alat bantu manipulatif	Objek sebenar Model Simulasi

Sumber: Campbell, C. P. (2000). A cost-effective procedure for adapting instructional materials. *Education + Training Journal*, 42, (2), 101-114.

Bahan bercetak adalah bahan bertulis (Byrom, Harris & Parker, 2000) yang dicetak yang mengandungi warna, ilustrasi (Adams, 1999 dalam Byrom *et al*, 2000) dan perkataan. Ia mudah didapati dan senang digunakan dengan kos yang rendah (Byrom *et al*, 2000). Walaupun begitu, Lehman (1998) dalam Byrom *et al* (2000) menyatakan bahawa seseorang itu perlukan celik huruf untuk memberi mereka peluang untuk berinteraksi dan maklum balas adalah terhad.

Bahan bercetak ini adalah media tradisional yang lazim digunakan terutama apabila jurulatih menggunakan kaedah bilik darjah untuk mengajar. Ia juga sesuai digunakan untuk jumlah pelajar yang ramai kerana pemantauannya adalah secara keseluruhan dan bukan secara seorang kepada seorang.

Media audiovisual pula adalah alat pandang dengar yang menggunakan deria melihat dan mendengar. Ia menunjukkan dan menggambarkan sesuatu secara terperinci yang sukar untuk dihubungkan dengan cara lain (DeSimone & Harris, 1994). Media ini merangkumi media moden seperti latihan berdasarkan komputer, internet dan intranet yang menjadi pilihan organisasi pada zaman globalisasi ini. Ia juga lebih interaktif sekiranya pelatih menggunakanannya dengan betul.

Alat bantu manipulatif lebih menggunakan pergerakan tangan, jari, lengan dan kaki semasa melaksanakan sesuatu aktiviti. Media seperti ini sesuai digunakan sekiranya jumlah pelatih adalah sedikit dan latihan berbentuk praktikal seperti mlatih juruterbang membawa pesawat. Walau bagaimanapun, latihan ini memakan masa yang lama dan kos yang tinggi kerana jurulatih akan memfokuskan kepada seseorang pelatih sahaja.


2.2.1 Media Dalam Latihan

Media tidak dapat dipinggirkan di dalam latihan kerana ia termasuk dalam proses pembuatan sesuatu latihan. Walaupun pada kedua-dua Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan tempat pelaksanaan media adalah berlainan, namun ia membuktikan kewujudan pemilihan media itu sendiri semasa proses perancangan pelaksanaan latihan.

Di dalam Rajah 2, pembuatan media dilaksanakan di dalam fasa pembangunan sistem. Media di dalam latihan dipilih semasa pemilihan kandungan dan subjek dengan jurulatih senior akan menyemak kandungan tersebut (Toigo, 1991). Tambah beliau lagi, pemilihan media dilakukan dengan memadankan dengan maklumat yang akan disampaikan. Setelah itu, barulah pelatih akan dikenalpasti. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat banyak teori pembelajaran yang mengaitkan media mana yang paling baik untuk menyampaikan konsep maklumat atau kemahiran taktikal dan salah satunya ialah berdasarkan teori Tingkahlaku Skinner. Di dalam sistem ini, tiada kekangan bagi bajet dan masa. Di dalam model ini juga dinyatakan bahawa sekiranya mempelajari kemahiran manual maka kaedah demonstrasi dan menggunakan kemahiran tangan diperlukan.


Di dalam Rajah 3 pula, seperti di dalam Rajah 2 terdapat persamaan iaitu media dipilih setelah kaedah dan teknik latihan dikenal pasti. Namun, terdapat perbezaan utama iaitu di dalam model ini, pelatih akan dikenalpasti terlebih dahulu sebelum rancangan pembelajaran dilaksanakan.

Didapati kedua-dua model ini menekankan isu pelatih. Walau bagaimanapun, seharusnya media yang disesuaikan dengan pelatih dan bukan sebaliknya. Ini disebabkan untuk mewujudkan situasi yang ergonomik lebih mudah berbanding mengubah personaliti atau gaya pembelajaran seseorang. Namun, untuk menyesuaikan media dengan seseorang pelatih sukar dijalankan kerana kekangan bajet dan masa maka seharusnya jurulatih menawarkan alternatif lain dalam mempelbagaikan media dalam latihan.



Rajah 2 : Reka bentuk sistem arahan

Sumber: Toigo, J. W. (1991). *Automated training development systems: a cost-effective strategy for corporate excellence*. New Jersey: Prentice-Hall. ms 29.




Rajah 3: Model latihan dan proses HRD

Sumber: DeSimone, R. L. & Harris, D. M. (1994). *Human Resource Development* (2nd ed.). Harcourt Brace: The Dryden Press. ms 19.

2.3 Faktor-faktor Pemilihan Media

2.3.1 Keupayaan Pelatih

Setiap individu adalah berbeza antara satu sama lain, maka seseorang itu akan bertingkah laku mengikut kecenderungannya sendiri yang juga akan dipengaruhi oleh keupayaan yang dimiliki oleh seseorang. Mengikut Davies (1981), keupayaan pelatih terbahagi kepada dua iaitu keupayaan dari segi kerja intelektual dan keupayaan kerja motor. Secara umumnya, ia dapat dibahagikan seperti dalam Rajah 4 berikut.



Rajah 4: Keupayaan Pelatih

Keupayaan kerja intelektual terbahagi kepada lima kemahiran spesifik iaitu keupayaan verbal yang bermaksud keupayaan dari segi kefasihan dan pemahaman perkataan, keupayaan numerik yang mengandungi kemahiran bermain dengan nombor seperti memahami masalah berdasarkan satu set peraturan seperti proses penambahan dan penolakan, kebolehan penaakulan iaitu seseorang yang berupaya menyelesaikan masalah dan berhadapan dengan situasi sukar, keupayaan memori iaitu mampu mengingat dan mengenal kembali peristiwa lepas dan yang terakhir kreatif iaitu mampu memproses penyelesaian masalah yang asal yang mengandungi dua kemahiran iaitu fleksibel dan asalan.

Keupayaan kerja motor pula terbahagi kepada lima kemahiran spesifik juga yang terdiri daripada keupayaan mekanikal iaitu kemahiran bekerja dengan bahan mekanikal seperti mesin dan komponen, kepakaran iaitu kemahiran berhubung dengan pergerakan jari, tangan, lengan dan kaki. Kelajuan dan ketepatan dalam kepakaran adalah amat penting. Koordinasi pula keupayaan untuk membentulkan, genggaman dan memanipulasi item secara teratur dan berhati-hati serta reaksi iaitu maklum balas secara pantas bergantung dengan perubahan situasi. Manakala, keupayaan ruang bermaksud mampu berhubung secara dua atau tiga dimensi.

Selain itu, keupayaan pelatih ada kaitan dengan keupayaan pembelajaran dengan wujudnya perbezaan ini, maka tedapat pelbagai alat untuk meningkatkan kefahaman pelatih terhadap penerangan jurulatih.